

# Manfaat Tambahan Empunya Rumah/Isi Rumah: Perlindungan Rumah

## Helaian Pendedahan Produk

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Manfaat Tambahan Empunya Rumah/Isi Rumah: Perlindungan Rumah. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

### 1. Apakah keterangan tentang manfaat tambahan ini?

Perlindungan Rumah ialah manfaat tambahan untuk insurans Empunya Rumah/Isi Rumah dan Home SafeGuard MSIG yang memberikan anda perlindungan tambahan kepada rumah kediaman persendirian/flat/apartmen dan kandungannya.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat tambahan ini menawarkan 5 pakej-pakej berbeza untuk anda pilih:

Pakej 1	Had Maksimum (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Kerosakan akibat Niat Jahat oleh Penyewa Menanggung kerugian atau kerosakan pada bangunan anda yang disebabkan oleh penyewa anda akibat niat jahat.	2,000	3,000	5,000
Kehilangan Pendapatan Penyewaan akibat Penyewa Menghilangkan Diri Memberikan pembayaran sekali gus untuk kerugian sewa akibat penyewa berlepaskan diri dari harta anda tanpa memberikan notis pelepasan bertulis.	1,000	2,000	3,000
Yuran Guaman untuk Surat Tuntutan Menanggung rugi yuran guaman yang ditanggung untuk pengeluaran surat tuntutan kepada penyewa anda kerana tidak membayar sewa untuk tinggal lebih masa atau disebabkan keingkaran sewa		1,000	
Caj dan Laporan Bomba Menanggung rugi terhadap caj bomba akibat kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, termasuk kos penggantian peralatan pemadam kebakaran.		500	
Penyambungan bagi kecurian untuk tiada penghuni Lanjutkan perlindungan untuk kerugian atau kerosakan akibat kecurian jika rumah anda tidak di huni sehingga 120 hari .		Sehingga 120 hari	

Pakej 2	Had Maksimum (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Ansuran Pinjaman Gadai Janji Menanggung rugi ansuran pinjaman bulanan bangunan yang diinsuranskan sekiranya:	Sehingga maks 6 bulan atau 15,000	Sehingga maks 6 bulan atau 20,000	Sehingga maks 6 bulan atau 30,000

<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kerugian atau kerosakan bangunan oleh kejadian yang diinsuranskan apabila kerugian atau kerosakan melebihi 15% daripada jumlah bangunan diinsuranskan.</li> <li>✓ Pemindahan oleh pihak berkuasa tempatan akibat berlakunya kejadian yang diinsuranskan selama lebih daripada 72 jam.</li> <li>✓ Kematian akibat kemalangan atau hilang Upaya kekal menyeluruh.</li> </ul>			
<b>Elaun Tunai Kesulitan</b> Memberikan elaun apabila bayaran tuntutan untuk kerugian atau kerosakan rumah anda akibat kejadian yang diinsuranskan adalah melebihi RM20,000.	2,000	3,000	5,000
<b>Penginapan Alternatif</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hotel (maks 5 hari) dan/atau</li> <li>• Sewaan (maks 6 bulan)</li> </ul> Menanggung rugi bagi kos yang diperlukan untuk penginapan alternatif yang munasabah, dan/atau sewa oleh kerana rumah anda tidak lagi boleh didiami akibat kerugian atau kerosakan oleh kejadian yang diinsuranskan.	100/hari 1,000/bulan	200/hari 2,000/bulan	300/hari 3,000/bulan
<b>Elaun Kemudaratkan Kecurian/Rompakan</b> Memberikan elaun sekiranya anda/ahli keluarga anda yang tinggal dengan anda mengalami kecederaan yang disebabkan oleh pencuri atau perompak di dalam rumah anda.  Nota: a) Cuti sakit sekurang-kurangnya 1 hari yang diberikan oleh pengamal perubatan adalah diperlukan. b) Dimana elaun dibayar untuk lebih daripada 1 orang daripada kejadian yang sama, pampasan hendaklah dibahagikan secara sama rata.	1,500	2,000	3,000
<b>85% Fasal Relief Purata</b> Anda tidak akan dihukum mengikut syarat Purata polisi jika jumlah yang diinsuranskan dipastikan melebihi 85% daripada penanggantian atau pengembalian kos sebenar pada masa kehilangan.	Diliputi		

<b>Pakej 3</b>	<b>Had Maksimum (RM)</b>		
	<b>Pelan 1</b>	<b>Pelan 2</b>	<b>Pelan 3</b>
<b>Ansuran Pinjaman Gadai Janji</b> Menanggung rugi ansuran pinjaman bulanan bangunan yang diinsuranskan sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kerugian atau kerosakan bangunan oleh kejadian yang diinsuranskan apabila kerugian atau kerosakan</li> </ul>	Sehingga maks 6 bulan atau 15,000	Sehingga maks 6 bulan atau 20,000	Sehingga maks 6 bulan atau 30,000

<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ melebihi 15% daripada jumlah bangunan diinsuranskan.</li> <li>✓ Pemindahan oleh pihak berkuasa tempatan akibat berlakunya kejadian yang diinsuranskan selama lebih daripada 72 jam.</li> <li>✓ Kematian akibat kemalangan atau hilang Upaya kekal menyeluruh.</li> </ul>			
<b>Elaun Tunai Kecemasan</b> Memberi elaun sekiranya rumah anda tidak boleh didiami selama lebih daripada 5 hari berturut-turut akibat kerugian atau kerosakan oleh kejadian yang diinsuranskan.	3,000	4,000	5,000
<b>Kehilangan Wang Peribadi di Rumah</b> Memberi perlindungan ke atas kehilangan wang peribadi secara tidak sengaja dan fizikal yang disebabkan daripada kecurian, rompakan atau tahan di dalam rumah anda.	2,000	2,500	3,000
<b>Kehilangan Dokumen Peribadi</b> Pembayaran balik bagi kos pengantian kad pengenalan baharu, pasport, lesen memandu, kad kredit dan dokumen peribadi lain yang dirosak oleh kejadian diinsuranskan	1,500	1,500	2,000
<b>Makanan Beku dan Mudah Rosak</b> Memberi perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan pada makanan beku yang disebabkan oleh kemerosotan berikutan kerosakan tidak disengajakan atau kegagalan fungsi unit peti sejuk/pembeku termasuk yang disebabkan oleh kegagalan bekalan elektrik awam sekurang-kurangnya 6 jam.	500	1,000	1,000

<b>Pakej 4</b>	<b>Had Maksimum (RM)</b>		
	<b>Pelan 1</b>	<b>Pelan 2</b>	<b>Pelan 3</b>
<b>Perlindungan Barang Kemas Dipertingkatkan</b> Meningkatkan had untuk jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu Binatang dari satu per tiga (1/3) kepada separuh (1/2) daripada jumlah yang diinsuranskan pada kandungan.		50% daripada Jumlah Diinsuranskan pada Kandungan	
<b>Keselamatan Ditambah Baik</b> Menanggung kos pembelian/pemasangan sistem penggera keselamatan dan/atau sistem pengawasan sekiranya berlaku kecurian, tahanan atau rompakan bersenjata di rumah anda.	2,000	3,500	5,000
<b>Elaun Pembersihan</b> Membayar perbelanjaan yang ditanggung untuk perkhidmatan pembersihan untuk rumah anda disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan.	1,000	1,500	2,000
<b>Liabiliti Peribadi</b> Menanggung liabiliti undang-undang anda kepada pihak ketiga disebabkan oleh kecacatan pada bangunan atau kemalangan berlaku di dalam atau sekitar rumah.	200,000	300,000	500,000

<b>Pakej 5*</b>	<b>Had Maksimum (RM)</b>		
	<b>Pelan 1</b>	<b>Pelan 2</b>	<b>Pelan 3</b>
Kematian Haiwan Peliharaan Anda akibat Kemalangan Pembayaran balik harga pembelian atau bayaran pengambilan jika haiwan peliharaan anda mengalami kematian akibat kecederaan di rumah anda.	3,000	5,000	10,000
Perbelanjaan Perubatan Haiwan Peliharaan Anda akibat Kecederaan Pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung jika haiwan kesayangan anda mengalami kecederaan akibat kemalangan di rumah anda.	1,000	2,500	5,000
Bayaran Penginapan untuk Haiwan Peliharaan Anda (maks 30 hari) Pembayaran balik kos penjagaan haiwan peliharaan anda oleh reban atau reban berlesen sekiranya rumah anda tidak boleh didiami disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan	50/hari	150/hari	200/hari

\*Wajib mempunyai sekurang-kurangnya satu Pakej 1-4 sebelum anda boleh membeli Pakej 5.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium manfaat tambahan (kecuali cukai perkhidmatan) yang anda perlu bayar bergantung pada pakej dan pelan yang telah anda pilih.

<b>Perlindungan Rumah</b>	<b>Pelan 1 (RM)</b>	<b>Pelan 2 (RM)</b>	<b>Pelan 3 (RM)</b>
Pakej 1	192	338	500
Pakej 2	58	70	91
Pakej 3	36	46	61
Pakej 4	84	117	165
Pakej 5	18	32	61

### 4. Berapakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- | <b>Jenis</b>                                     | <b>Amaun</b>           |
|--|------------------------|
| • Cukai Perkhidmatan                             | • 8% daripada premium  |
| • Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans | • 15% daripada premium |

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia behubung polisi ini.

## 5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjelaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- Anda mesti membeli/memiliki sama ada polisi Empunya Rumah/Isi Rumah atau Home SafeGuard MSIG sebelum and boleh membeli manfaat tambahan ini.
- Perlindungan akan dihentikan pada tarikh tamat tempoh dan kami bertegas tidak akan bertanggungjawab melainkan insurans telah diperbaharui.

*Nota: Maklumat ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.*

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kehausan dan kelusuhan bangunan anda.
- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman).
- Kerugian atau kerosakan akibat kecurian, rompakan dan tahan yang tidak dilaporkan dalam tempoh 24 jam penemuan kepada pihak polis.

*Nota: Manfaat tambahan adalah tertakluk kepada pengecualian am polisi Empunya Rumah/Isi Rumah dan Home SafeGuard MSIG. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh pengecualian.*

## 7. Bolehkah saya membatalkan manfaat tambahan ini?

Anda boleh membatalkan manfaat tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Sebarang pembayaran balik premium adalah berdasarkan klausa pembatalan dalam polisi Empunya Rumah/Isi Rumah atau Home SafeGuard MSIG anda apabila anda membatalkan polisi pada masa yang sama.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran diri anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai manfaat tambahan ini atau insurans empunya rumah/isi rumah, sila hubungi kami di:

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
Pusat Khidmat Pelanggan:  
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee



**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705 (46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)

A member of **MS&AD INSURANCE GROUP**

**50250 Kuala Lumpur**  
**Tel : (603) 2050 8228**  
**Faks : (603) 2026 8086**  
**Talian Khidmat Pelanggan: 1-800-88-MSIG (6744)**  
**Emel: [myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)**

**10. Lain-lain jenis manfaat tambahan yang disediakan:**

- Manfaat Kesulitan Penghospitalan

**NOTA PENTING: ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARE LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 1 September 2025.